

## Menzahirkan Sisi Ghaib Perbuatan Jenayah ( فعل جنائي ) Dan Niat Jenayah Dalam Kesalahan Membunuh Menggunakan Sihir: Satu Analisa Dengan Merujuk Seksyen 152 Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah Brunei Darussalam

Dr. Mahyuddin bin Ismail<sup>1</sup>  
 Prof. Madya Dr. Zulfakar bin Ramlee<sup>2</sup>  
 Dr. Hj. Jahid bin Hj. Sidek<sup>3</sup>

### ABSTRAK

Antara cabaran paling besar dalam usaha untuk membanteras jenayah sihir ialah kesulitan untuk menentukan kewujudan perbuatan jenayah ( فعل جنائي ) dan niat jenayah ( قصد جنائي ) pengamal sihir. Perbuatan pengamal sihir bukan sahaja tidak kelihatan pada pandangan kasar, bahkan kaitannya dengan kesan yang terhasil terhadap mangsa juga sukar untuk ditunjukkan. Kertas kerja ini bertujuan menghuraikan kaedah-kaedah praktikal untuk menzahirkan aspek metafizik amalan sihir melalui penganalisaan bahan-bahan dan kaedah-kaedah penyihiran yang digunakan. Konsep ‘kesan yang terhasil dari suatu perbuatan’ akan turut diketengahkan bagi membantu kita untuk mengenalpasti kaitan antara perbuatan jenayah ( فعل جنائي ) dan niat jenayah ( قصد جنائي ) pengamal sihir. Pendekatan ini mampu membuka dimensi baru kepada sistem perundangan berhubung pelaksanaan seksyen 152 Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah Negara Brunei.

**Kata Kunci:** Perbuatan Jenayah - ( فعل جنائي ) - Niat Jenayah - ( قصد جنائي ) - Kesalahan Membunuh Menggunakan Sihir - Seksyen 152 Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah Negara Brunei Darussalam

### PENGENALAN

Ilmu dan amalan sihir merupakan antara ilmu dan amalan yang tertua di dunia. Ilmu ini melibatkan penggunaan khidmat jin dan syaitan dan diamalkan dengan tujuan-tujuan yang tertentu. Ia digunakan untuk menghilangkan perasaan kasih sayang antara ahli keluarga, memisahkan antara suami dan isteri, menghilangkan kewarasan akal, menyebabkan penyakit sehingga ke tahap membunuh mangsa tanpa perlu disentuh [Mahyuddin Ismail, 2011, hal. 124]. Oleh kerana kesan buruk yang timbul dari pengamalannya, maka sebahagian besar tamadun-tamadun terdahulu seperti tamadun Mesopotamia [Walter Farber, 1995, hlm. 1898], tamadun Rom [Kippenberg, H., 1995, hlm. 149], tamadun China [J.J.M. de Groot, *t.trk*, Vol. 5 (3)], tamadun Parsi [Ahmad b. Ḥasan Abū Bakar Al-Jassāsah, hlm. 33.], tamadun Islam [Abdul Basir Mohammed, 1999, hlm. 9.] dan tamadun Barat [Richard Kieckhefer, 1990, hlm.177-179] telah mewartakan ianya sebagai satu jenayah. Menurut Morrison [2001, hlm. 47], pakar undang-undang jenayah iaitu William Blackstone turut menegaskan tentang kewujudan ilmu sihir dan undang-undang untuk menanganinya melalui kenyataannya:

*To deny the possibility, nay, actual existence, of witchcraft and sorcery is at once flatly to contradict the revealed word of God, in various passages both of the old and new testament: and the thing itself is a truth to which every nation in the world has in its turn borne testimony, either by examples seemingly well attested, or by prohibitory laws; which at least suppose the possibility of a commerce with evil spirits.”*

<sup>1</sup> Pensyarah Kanan, Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang, Kuantan. Tel: +019-9800573 Fax: 09-51493112 E-mel: [mahyuddin@ump.edu.my](mailto:mahyuddin@ump.edu.my)

<sup>2</sup> Prof. Madya, Kuliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 53100 Gombak, Selangor. Tel: +019-2587512 Fax: 03-61964384 E-mel: [zra@iium.edu.my](mailto:zra@iium.edu.my)

<sup>3</sup> YDP Persatuan Kebajikan Bina Budi Malaysia, C-25, Kampung Melayu Seri Kundang, Tasik Biru, Kuang, 48050 Rawang, Selangor,. Tel: 019-3845666